



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (45)

Tarikh : 24 Julai 2021

SIARAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS NEGARA BAGI KERAJAAN TEMPATAN KE-78 (MNKT KE-78)

PUTRAJAYA, 24 JULAI 2021 – Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-78 telah diadakan pada 13 Julai 2021 dan dipengerusikan oleh Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof.

Mesyuarat turut dihadiri oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; enam Menteri dan empat Timbalan Menteri; seorang Menteri Besar dan sebelas EXCO Kerajaan Negeri; Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri atau wakil; serta Ketua-ketua Jabatan/Agensi yang berkaitan.

Mesyuarat telah menimbang dan bersetuju terhadap empat (4) kertas pertimbangan seperti berikut:

i. Pemakaian Garis Panduan Pengurusan Cerun di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan

Mesyuarat telah bersetuju terhadap pemakaian Garis Panduan Pengurusan Cerun di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mewujudkan satu sumber rujukan pengurusan cerun secara menyeluruh dan seragam untuk membolehkan pelaksanaan pengurusan cerun dengan lebih efisien dan berkualiti. Garis panduan ini memperjelaskan dengan terperinci penekanan kepada pengurusan cerun di kesemua

peringkat bermula daripada perancangan pembangunan, reka bentuk, pembinaan, pendaftaran dan penyenggaraan.

ii. Pemakaian Garis Panduan Sanitasi dan Disinfeksi Kemudahan Awam dan Premis di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan

Mesyuarat telah meluluskan Garis Panduan Sanitasi dan Disinfeksi Kemudahan Awam dan Premis di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang boleh digunakan sebagai panduan kepada PBT dan pihak yang berkepentingan dalam menjalankan kerja-kerja sanitasi dan disinfeksi di semua kemudahan awam dan premis di kawasan PBT. Garis panduan ini bertujuan mewujudkan keseragaman PBT dalam melaksanakan tindakan pencegahan penyakit berjangkit di tempat awam, serta mewujudkan dasar dan tanggungjawab kepada pemilik, pemegang lesen atau pengurus premis yang mempunyai akses kepada orang awam, untuk menjalankan aktiviti sanitasi dan disinfeksi secara sendiri di premis masing-masing.

iii. Cadangan Pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984)

Mesyuarat telah bersetuju terhadap Cadangan Pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984) bagi tujuan penyesuaian dengan amalan dan praktis kesenibinaan dan kejuruteraan masa kini, selain bertindak sebagai mekanisme penyelarasan standard dan garis panduan semasa, serta membolehkan dasar-dasar baru kerajaan dikuatkuasakan. Cadangan pindaan ini mensasarkan penerimaan pemakaian oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melalui pewartaan satu undang-undang kecil untuk dikuatkuasakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

iv. Pemakaian Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Berpusat (*Centralised Labour Quarters – CLQ*)

Mesyuarat juga telah meluluskan pemakaian Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Berpusat (*Centralised Labour Quarters – CLQ*) yang boleh digunakan sebagai rujukan oleh Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak yang terlibat, bagi tujuan penyeragaman dan penyelarasan keperluan teknikal, prosedur permohonan dan syarat-syarat lain dalam pelaksanaan dan kawalan pembangunan penginapan pekerja berpusat di peringkat negeri dan tempatan untuk jangka masa panjang.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berharap agar kertas-kertas yang telah diluluskan dalam Mesyuarat MNKT Ke-78 ini akan dapat diterima pakai di peringkat negeri dan PBT bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat di peringkat kerajaan tempatan.

-TAMAT-

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*